

ADVISORY NOTE NO. 1/2025

PENDEKATAN PEMBELAJARAN MOD INDUSTRI

PENDAHULUAN

1. Tujuan *Advisory Note* ini untuk memberi penerangan berhubung pendekatan dan panduan pembelajaran yang dikategorikan sebagai Mod Industri dengan definisi yang jelas dan kriteria spesifik dalam konteks pendidikan tinggi terutamanya yang melibatkan pendekatan pembelajaran berasaskan kerja (Work-Based Learning, WBL).

LATAR BELAKANG

2. Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) dan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) telah mengeluarkan beberapa garis panduan berkaitan pendekatan pembelajaran berkonsepkan industri. Antaranya adalah:
 - i. **Garis Panduan Amalan Baik: Pembelajaran Berasaskan Kerja (Guidelines to Good Practices: Work-Based Learning, GGP: WBL) (2016)** yang menggariskan keperluan minimum komponen pengajian di industri.
 - ii. **Garis Panduan Pelaksanaan Mod Pengajian 2u2i (2017)** yang memperkenalkan konsep gabungan pembelajaran di universiti dan industri.
 - iii. ***Apprenticeship Degree: Guideline to Good Practices for Bachelor's Degree Apprenticeship Implementation (2023)*** yang memfokuskan kepada latihan *on-the-job* dan *off-the-job* di peringkat Sarjana Muda.
 - iv. ***Standards: Master's & Doctoral Degree (2021)*** yang berkaitan struktur program PhD Industri berasaskan penyelidikan di mana rakan industri, seperti majikan atau konsortium majikan, bersama-sama menentukan objektif kajian kedoktoran yang biasanya bersifat aplikasi praktikal.

DEFINISI

3. **Definisi WBL berdasarkan Garis Panduan Amalan Baik: Pembelajaran Berasaskan Kerja (Guidelines to Good Practices: Work-Based Learning, GGP: WBL) (2016)**

Pembelajaran berasaskan kerja (WBL) adalah subset pembelajaran di tempat kerja. WBL merujuk secara khusus kepada pencapaian 'hasil pembelajaran terancang' yang diperoleh melalui pengalaman melaksanakan peranan atau fungsi kerja.

4. **Definisi 2u2i berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Mod Pengajian 2u2i (2017)**

Mod Pengajian 2u2i merangkumi dua (2) komponen, iaitu komponen pembelajaran di IPT dan komponen pembelajaran di industri. Komponen pembelajaran di IPT memberi penekanan kepada aspek prinsip dan kemahiran asas dalam bidang pengajian.

Manakala, komponen pembelajaran di industri memberi penekanan kepada aspek pengaplikasian ilmu dan kemahiran dalam sekitaran kerja sebenar mengikut bidang pengajian berkaitan.

5. **Definisi Mod Industri berdasarkan Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam Edisi Kedua**

Mod Industri merujuk kepada gabungan pembelajaran di dalam kampus dan di luar kampus (aplikasi pembelajaran sebenar di tempat kerja) sepanjang tempoh pengajian yang melibatkan pihak UA dan industri dalam pembangunan dan penyampaian kurikulum. Ia boleh ditawarkan di dalam pelbagai kombinasi seperti 3u1i, 2u2i, 2u1i dan 1½u1i.

CADANGAN SEMAKAN SEMULA KONSEP DAN DEFINISI MOD INDUSTRI

6. *Advisory Note* ini turut menjelaskan Mod Industri merupakan tambahan kepada kaedah penyampaian sedia ada iaitu Konvensional dan *Open and Distance Learning* (ODL) menjadikannya sebagai tiga kaedah penyampaian pada masa akan datang.
7. Mod Industri akan merangkumi kesemua pendekatan pembelajaran berintegrasikan industri sama ada semimum 20% komponen industri seperti ditetapkan oleh GGP:WBL (2016) atau semaksimum hampir 100% pembelajaran di industri.

8. Disebabkan itu, definisi Mod Industri yang dicadangkan adalah seperti berikut:

“Semua program yang mengintegrasikan pembelajaran sebenar di industri minimum 20% hingga 100% daripada komponen pengajian.”

KATEGORI MOD INDUSTRI

9. Kategori Mod Industri adalah seperti berikut:

i. **Kategori A: *Learn and Earn***

Satu model pendekatan WBL yang mana pelajar berdaftar dengan program yang melibatkan sekurang-kurangnya satu (1) semester atau 20% daripada pengajian di industri, selain daripada latihan industri. Pelajar tersebut sewaktu di industri tidak dikategorikan sebagai pekerja tetapi sebagai pelatih industri.

Program semasa yang diakredit oleh MQA dan termasuk dalam kategori ini adalah program WBL yang diakredit oleh MQA berdasarkan GGP: WBL (2016) dan program yang diakredit MQA berdasarkan GP 2u2i (2017).

ii. **Kategori B: *Earn and Learn***

Satu model pendekatan WBL yang mana pekerja berdaftar sebagai pelajar dan menjalani pembelajaran yang ditetapkan oleh institusi pendidikan tinggi teradun dengan aktiviti pekerjaan di industri. Aktiviti pembelajaran boleh melibatkan sesi *on-the-job* dan *off-the-job* yang memerlukan perantis/pekerja pergi ke kampus atau diikuti secara dalam talian (online) bersesuaian dengan ketetapan institusi.

Status perantis didefinisikan sebagai Akta Kerja 1955 pindaan 2022 memberi satu takrifan baharu kepada definisi perantis “mana-mana orang yang memasuki kontrak perantis selama enam bulan dengan maksimum 24 bulan adalah layak untuk menerima apa-apa manfaat atau faedah dalam akta ini.”

Contoh semasa program dalam kategori ini adalah program secara perantisan (Apprenticeship Degree: Guideline to Good Practices for Bachelor’s Degree Apprenticeship Implementation (2023)).

KRITERIA MOD INDUSTRI

10. Program yang ditawarkan di bawah Mod Industri perlu memenuhi kriteria berikut:
 - i. **Komponen Pembelajaran Industri**
Pembelajaran industri perlu meliputi minimum 20% dan semaksimum yang bersesuaian berdasarkan keperluan bidang dan tahap pengajian yang mana pelajar terlibat secara aktif dalam kerja industri.
 - ii. **Kolaborasi Universiti dan Industri**
Kurikulum mesti dibangunkan secara bersama antara universiti dan industri untuk memastikan relevansi dengan keperluan industri.
 - iii. **Fleksibiliti Pembelajaran**
Program ini perlu menawarkan pendekatan yang fleksibel, termasuk pembelajaran di tempat kerja dan komponen atas talian bagi memenuhi keperluan pelajar bekerja.
 - iv. **Penilaian Berasaskan Kompetensi**
Penilaian pelajar berdasarkan pencapaian kompetensi industri melalui kerja projek, pembelajaran berasaskan masalah dan maklum balas berterusan daripada mentor akademik dan industri.
 - v. **Pengiktirafan Pengalaman Kerja**
Pengalaman kerja yang relevan boleh diiktiraf sebagai sebahagian daripada komponen pembelajaran dan mengelakkan pengulangan pembelajaran bagi pengetahuan dan kemahiran yang telah dikuasai.
11. Ketetapan-ketetapan di bawah garis panduan yang mengkhusus kepada sesuatu pendekatan WBL, 2u2i dan perantisan adalah terpakai.

PENYELARASAN REKOD PROGRAM PENGAJIAN

12. Semakan semula kepada istilah Mod Industri ini memerlukan penyelarasan rekod-rekod pelaksanaan program Mod Industri bagi tujuan penilaian akreditasi sementara, akreditasi penuh dan pematuhan akreditasi oleh semua pihak berkepentingan.

RUMUSAN

13. *Advisory Note* ini diharapkan dapat memberi panduan yang jelas kepada PPT dalam menawarkan program Mod Industri.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui Sistem Pengurusan Pertanyaan dan Aduan di www2.mqa.gov.my/sppa/.

AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)

26 MAC 2025

PENGHARGAAN:

MQA mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Mohd Akmal bin Rohiat (UTHM), Ir. Ts. Dr. Wan Mohd Faizal bin Wan Abd Rahim (UniMAP) dan Ts. Dr. Mohammad Kamil bin Sued (UTeM) atas penglibatan dalam penghasilan *Advisory Note* ini.